

SULIT

1103/1

Bahasa Melayu

Kertas 1

September

2011

2 ¼ jam

1103/1



PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

ANJURAN

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN PERLIS**

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat sebelah


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara meningkatkan amalan membaca dalam kalangan remaja di negara ini. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

AMALAN MEMBACA



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Rakan sebaya memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang remaja.

Sebagai seorang remaja, jelaskan ciri-ciri rakan sebaya yang menjadi pilihan anda.

2. Amalan berjimat cermat amat penting dalam menghadapi krisis ekonomi hari ini.

Berikan pendapat anda tentang peranan keluarga dalam memupuk amalan berjimat cermat.

3. Usaha yang berterusan untuk membantu golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) amat wajar supaya mereka dapat memberikan sumbangan kepada negara.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk membantu golongan ini?

4. Kegiatan jenayah yang membabitkan pemerdagangan manusia kini menjadi isu sejagat.

Bincangkan kerjasama antara Malaysia dengan negara jiran untuk menangani masalah tersebut.

5. Anak itik terenang-renang,

Air pasang tenang-tenangan;

Budi sedikit bila kan hilang,

Itu menjadi kenang-kenangan.

Berdasarkan maksud pantun tersebut, huraikan kepentingan hidup berbudi dalam masyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT
1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
September
2011
2 ½ jam



PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN PERLIS

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang tanggungjawab remaja sebagai pengguna dan usaha-usahanya memupuk kesedaran kepenggunaan dalam kelangan remaja. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Dewasa ini, isu kepenggunaan dalam kalangan remaja menjadi perhatian masyarakat lantaran peningkatan taraf hidup. Persoalannya tidak banyak remaja yang mengetahui hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengguna.

Hakikatnya, remaja perlu peka akan peranan mereka sebagai pengguna yang bijak. Mereka juga perlu melibatkan diri dalam hal-hal kepenggunaan. Dengan cara ini mereka akan memahami definisi, hak dan tanggungjawab sebagai pengguna. Selain itu, pelbagai cara boleh dilakukan oleh remaja untuk mendapatkan maklumat tentang semua perkara berkaitan isu kepenggunaan. Antaranya menjadi ahli persatuan pengguna di tempat masing-masing.

Remaja tidak seharusnya bersikap hanya mementingkan diri sendiri semata-mata. Sebaliknya, remaja harus berkongsi pengetahuan sebagai pengguna dengan masyarakat. Remaja boleh melaksanakan tanggungjawab sosial ini dengan menggunakan laman sosial yang mudah dan popular dalam kalangan mereka ketika ini. Remaja juga boleh menggunakan perkhidmatan laman sosial ini sebagai *wadah komunikasi* untuk menubuhkan kelab pengguna. Selain itu, mereka juga boleh mengetahui sebarang produk atau perkhidmatan daripada pelbagai sumber.

Selain memahami hak dan tanggungjawab sebagai pengguna, remaja juga harus mengambil sedikit masa untuk melihat isu-isu penting tentang kepenggunaan. Isu ini boleh dicari dengan mudah melalui media cetak dan elektronik. Antara isu yang mendapat perhatian media ialah isu pengguna remaja yang menjadi mangsa produk tiruan. Sebagai pengguna, remaja juga bertanggungjawab untuk melakukan kajian terhadap isu-isu tertentu kerana hal ini akan membuka minde remaja untuk berfikir dengan lebih luas sebagai pengguna.

Tanpa kita sedari, pengguna remaja lebih banyak menjadi mengsa berbanding pengguna lain. Hal ini terjadi kerana remaja sendiri yang kurang ambil peduli tentang hak dan tanggungjawab sebagai pengguna. Antara sebab lain ialah faktor usia dan pemikiran remaja itu sendiri yang tidak matang. Remaja juga sering menjadi mangsa apabila jurujual menggunakan permainan psikologi, justeru remaja bertanggungjawab mengambil tindakan yang sewajarnya andai mereka menjadi mangsa dalam hal-hal kepenggunaan.

Isu remaja dan pengguna berlaku sepanjang masa. Oleh itu, remaja bertanggungjawab berfikir dahulu dan mengetahui hak serta tanggungjawab sebagai pengguna bagi mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa. Sebarang isu yang dapat membantu remaja menjadi pengguna yang bijak haruslah dikaji, diselidik dan difahami oleh remaja sendiri.

(Dipetik dan diubahsuai dari
Tanggungjawab Remaja Sebagai Pengguna
oleh Asrul Ilham Sany,
Dewan Siswa, April 2011)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *wadah komunikasi*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah remaja sering menjadi mangsa dalam isu kepenggunaan? [3 markah]
- (iii) Sebagai pengguna, apakah tindakan anda apabila menyedari bahawa anda telah tertipu setelah membeli sesuatu barang?[4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Semua askar Punjabi mati. Kubu Kuala Pak Amat jatuh. Juga di Dasar dan Sabak. Jepun berada di mana-mana."

Suara Pak Husain sangat lemah. Dia sudah dimandikan oleh Mak Bidah. Darahnya sudah dicuci. Tetapi semangat Pak Husain sudah hilang. Dia menjadi takut-takut. Dia selalu meracau dan menyebut apa-apa sahaja yang dilihatnya sebagai tentera Jepun. Dia melihat mayat di mana-mana, walaupun kami tidak melihatnya. Kwong yang menyerobot ke dalam perasaan Pak Husain sangat membimbangkan kami. Beberapa malam berikutnya ayahku tidak tidur-tidur kerana menjaga Pak Husain. Dia mesti dijaga. Dia yang bertanggungjawab dalam usaha menyelamatkan kami. Aku dapat bayangkan apa yang akan berlaku ke atas kami sekaliannya yang di pangkalan kalau tentera-tentera Jepun itu sempat turun. Bukankah keberanian dan sikap Pak Husain membohongi tentera Jepun itu telah menyelamatkan kami? Alangkah besar jasanya. Alangkah

Kisah Pak Husain dipaksa supaya menguburkan mayat sehari suntuk telah berkembang dari mulut ke mulut. Kisah itu mengapung terus dari Kampung Dal ke kampung-kampung yang lain. Berkembang di Tebing Tinggi, di Dasar, di Kemumin, di Pancur, di Pualu Tukang Dolah dan di Teluk Kitang. Cerita itu tidak dirasakan baktinya selain kami penghuni asli kampung Pak Amat.

Pak Husain telah menyelamatkan kami!

(Dipetik daripada
'Pahlawan Buntung'
oleh S.Othman Kelantan dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah kesan yang dialami oleh Pak Husain setelah dia dipaksa menguburkan mayat-mayat tentera dan orang mati?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat anda lakukan untuk membalas jasa pejuang kemerdekaan negara seperti Pak Husain?
[4 markah]
- (iii) Huraikan satu nilai berdasarkan petikan cerpen di atas dan dua nilai lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen.
[3 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah penuh sarat gelung itu dengan wang dinar emas diisikan oleh lanun-lanun itu, mereka pun *bermohon kembali ke bahtera* masing-masing.

Melihatkan lanun itu telah pergi, jurumudi segera mencabut kerisnya lalu menikam seekor ayam lagi, kemudian dengan keris berdarah itu pergila dia menghadap Tuanku Nakhoda Tua mengatakan dia adalah yang telah menyelamatkan gelung itu daripada dirampas oleh lanun.

Dengan tidak berfikir panjang lagi, Tuanku Nakhoda Tua percaya dengan kata-kata jurumudi yang palsu itu, lalu baginda menitahkan Mualim Cik Mas menikahkan puterinya dengan jurumudi itu.

Apabila jurumudi dan Mualim sudah sedia di depan Tuanku Nakhoda Tua, masuklah Tuan Puteri Dayang Seri Jawa dengan geramnya, "Ya, ayahanda, tua orang tua, berakal; makin tua makin berminyak, tetapi tua ayahanda tua cendawan makin tua makin busuk!"

Tuanku Nakhoda menjadi tersentak, "Hai anakku yang tidak tahu dek untung, mengapakah kau berkelakuan demikian ini di depan orang tua?"

"Kerana mata ayahanda sudah kabur dan telinga ayahanda sudah pekak, sebab itulah anakanda berkata demikian. Cubalah ayahanda lihat siapakah di dalam petak jubung yang dilingkari tali sauh itu?"

(Dipetik daripada
'Pelayaran yang Penuh Peristiwa'
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *bermohon kembali ke bahtera*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan jurumudi setelah lanun itu pergi? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah Tuanku Nakhoda Tua menikahkan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa dengan jurumudi itu? [3 markah]

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ADAT SEZAMAN

Peradaban zaman semakin berlalu
meninggalkan kesan mendalam
terlalu indah apabila dipandang
terlalu mulia apabila diselidik
5 santun si dara jadi idaman
warak si teruna jadi ikatan
 si tua tersenyum mesra
 memandang teruna dara
 sama cantik sama padan
10 berganding bersama
 di singgahsana...
Masa itu telah jauh
zaman sudah berlalu
 santun sang dara
15 dan warak sang teruna telah lenyap.
 si tua berduka lara
 memandang teruna dara
 berganding tanpa silu
 tanpa hormat
20 tanpa batasan
 adat sezaman ditinggal jauh
 adat agama dipandang remeh
 adat kuning jadi ikutan.

Wan Nazihah Wan Abdullah
Antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Bagaimakah sikap anak muda zaman sekarang? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda kini terikut-ikut akan budaya barat? [3 markah]
- (iii) Nyatakan tiga persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) cari gali
- (ii) jati diri
- (iii) ruang legar
- (iv) ulasan selari
- (v) ulang tayang
- (vi) temu ramah

[6 markah]

- (b) Nyatakan jenis ayat di bawah ini sama ada **ayat penyata, ayat perintah, ayat seruan, atau ayat tanya**.

- (i) Menerusi komunikasi, pelbagai maklumat disebarluaskan dari sebuah negara ke sebuah negara lain dengan mudah dan cepat.
- (ii) "Siapakah namaku?" Soal seorang pemuda berwajah garang sambil mendekati diriku.
- (iii) Bangunan yang tinggi itu direka bentuk oleh seorang arkitek dari luar negara.
- (iv) Syabas, kamu telah berjaya menjuarai kejohanan yang berprestij itu!
- (v) "Mazwin, tolong hantar buku-buku ini ke bilik guru dan letakkan di atas meja saya," kata Puan Geetha kepada Mazwin dengan lembut.
- (vi) Sampai bilakah Pak Dol akan menangisi kematian isteri kesayangannya itu?

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Puan Mahanom mencadangkan untuk membeli sebuah banglo bahru yang terletak di atas bukit.
- (ii) Antara mesej yang ingin kesampaian kepada para pelajar melalui pra kata buku itu ialah seruan supaya mereka menjauhi gejala penagihan dadah dan lumba haram.
- (iii) Kadangkala sukar bagi kita membezakan antara musoh dengan kawan kerana tidak semua orang berkelaku jujur.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kami pulang dalam keadaan letih setelah menyertai kem kecemerlangan SPM dari pukul 9.00 pagi hingga pukul 7.00 petang.
- (ii) Semua pelajar perlu sedar yang setiap kejayaan akan diperoleh jika ada kemahuan, kesungguhan, dan tidak mengenal putus harap.
- (iii) Ahli pasukan pengakap yang sedang berumah di Bukit Wang itu membina unggun api daripada longgokan kayu-kayu yang telah dikumpulkan sejak petang tadi.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan peribahasa yang sesuai dengan situasi yang terdapat dalam ayat.*
- (i) Kenderaan yang lalu-lalang di pusat bandar tidak berhenti-henti mulai pukul 5.00 petang hingga ke pukul 8.00 malam kerana kebanyakan pekerja awam dan swasta akan pulang ke rumah setelah selesai bertugas.
 - (ii) "Kami amat gembira menerima kedatangan tuan-tuan dan puhan-puan, malahan kami himpukkan saudara-mara untuk menyambut tuan-tuan," kata Pak Maun kepada wakil rombongan peminangan anaknya itu.
 - (iii) Apabila majlis penyampaian hadiah selesai, pengetua dijemput menyampaikan cenderamata kepada tetamu kehormat yang hadir merasmikan majlis itu. Perkara ini sudah menjadi kelaziman sebagai penghargaan atas budi baik tetamu berkenaan menerima undangan ke majlis yang dianjurkan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (ii) PAPA... (akhirnya kau tewas jual!) karya Deana Yusof
- (iii) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir
- (vi) Interlok karya SN Abdullah Hussain
- (vii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (viii) Kabus di Perbukitan karya Mohd. Kholid Hamzah

(a) Huraikan dua persoalan dalam sebuah novel yang anda pelajari. [7 markah]

(b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu perwatakan watak utama.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

BAHASA MELAYU
Kertas 1
Peraturan
Pemarkahan
Ogos



**ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA
(MPSM)
CAWANGAN PERLIS**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

**PERATURAN PEMARKAHAN
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Majlis Pengetua Sekolah-sekolah Malaysia (MPSM) Cawangan Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

[Lihat sebelah

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2011
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU 1(1103/1)

SKEMA PEMARKAHAN
BAHAGIAN A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 Markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG (26 – 30)	(28 – 30)	<ul style="list-style-type: none"> - Karangan menepati tema bahan rangsangan. - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
	(26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> - Karangan menepati tema bahan rangsangan. - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. - Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.
KEPUJIAN (20 – 25)	(23 – 25)	<ul style="list-style-type: none"> - Karangan menepati tema bahan rangsangan. - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. - Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.
	(20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> - Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. - Penggunaan kosa kata umum. - Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. - Huraian idea masih jelas.
MEMUASKAN (15 - 19)	(17 – 19)	<ul style="list-style-type: none"> - Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. - Kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. - Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. - Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian kurang jelas.
	(15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> - Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. - Kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. - Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. - Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian kurang jelas.
KURANG MEMUASKAN (10 – 14)	(12 – 14)	<ul style="list-style-type: none"> - Calon tidak manunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. - Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.
	(10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> - Calon tidak manunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. - Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.
PENCAPAIAN MINIMUM (01 – 09)	(06 – 09)	<ul style="list-style-type: none"> - Calon tidak manunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. - Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.
	(01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> - Calon tidak manunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. - Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

BAHAGIAN B:

Cadangan Jawapan Bahagian B

Soalan 1: Rakan sabaya memainkan peranan dalam kehidupan seseorang remaja. Sebagai seorang remaja, jelaskan ciri-ciri rakan sabaya yang menjadi pilihan anda.

Diharapkan: Pelajar dapat menjelaskan ciri-ciri rakan sabaya yang menjadi pilihan mereka.

Kemungkinan: Tiada

Soalan 2: Amalan berjimat cermat amat penting dalam menghadapi krisis ekonomi hari ini.

Bahkan pendapat anda tentang peranan keluarga untuk memupuk amalan berjimat cermat.

Diharapkan: Pelajar dapat menghuraikan peranan yang dapat dimainkan oleh keluarga dalam memupuk amalan berjimat cermat.

Kemungkinan: Pelajar menghuraikan peranan pihak kerajaan sahaja tanpa mengaitkannya dengan peranan keluarga. Diterima, maksimum peringkat memuaskan sahaja.

Soalan 3: Usaha berterusan membantu golongan Orang Kalainan Upaya (OKU) merupakan satu tindakan yang wajar supaya golongan ini dapat memberikan sumbangan bakesan kepada negara.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk membantu golongan ini?

Diharapkan: Pelajar dapat menghuraikan usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk membantu golongan ini.

Kemungkinan: Pelajar hanya membincangkan satu pihak seperti pihak kerajaan ATAU pihak swasta sahaja. Diterima, maksimum peringkat baik sahaja.

Soalan 4: Kegiatan janayah yang membabitkan pemerdagangan manusia kini manjadi isu sejagat.

Bincangkan kerjasama antara Malaysia dengan negara jiran untuk menangani masalah tersebut.

Diharapkan: Pelajar dapat menjelaskan bentuk kerjasama yang dapat dilakukan oleh Malaysia dengan negara jiran bagi menangani masalah tersebut.

Kemungkinan: Pelajar hanya menghuraikan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia tanpa mengaitkan dengan negara jiran. Diterima, maksimum peringkat memuaskan sahaja.

Soalan 5: " " Berdasarkan maksud pantun tersebut,uraikan kepentingan hidup berbudi dalam masyarakat.

Diharapkan: Pelajar dapat menguraikan kepentingan hidup berbudi dalam masyarakat
Kemungkinan: Tiada

Panduan Pemeriksaan:

BAHAGIAN A

Markah penuh: **30 markah**

- i. Kesalahan ejaan tidak ditolak markah tetapi penandaan seperti biasa.
- ii. Contoh penandaan;

$$K = 25 / 30 \text{ (Markah bersih)}$$

BAHAGIAN B

Markah Penuh : **100 markah**
Potongan markah ejaan : **Maksimum 3 markah-** potong $\frac{1}{2}$ markah untuk setiap kesalahan ejaan (tiada potongan untuk kesalahan yang berulang)
Potongan markah format : **Maksimum 2 markah.**

Contoh penandaan

Markah	= 65	$\left\{ \begin{array}{l} K = 65 \\ -F = 2 \\ -E = 3 \\ \hline \underline{60} \end{array} \right.$
Tolak format	= 2	
Tolak Ejaan	= 3	
Markah bersih	= 60	

BAHAGIAN B: KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG (80 – 100)	(90 – 100)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat.- Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis.- Ejaan dan tanda baca betul.- Laras bahasa sesuai dengan tugasan.- Penggunaan kosa kata luas dan tepat.- Idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.- Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.- Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.- Penggunaan unsur bahasa bervariasi.- Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
	(80 – 89)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat.- Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.- Ejaan dan tanda baca betul.- Penggunaan kosa kata luas dan tepat.- Laras bahasa sesuai dengan tugasan.- Idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas serta contoh yang sesuai.- Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.- Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.- Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi.- Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
KEPUJIAN (66 – 79)	(73 – 79)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai.- Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.- Ejaan dan tanda baca masih betul.- Penggunaan kosa kata umum.- Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan.- Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai.
	(66 – 72)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai.- Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.- Ejaan dan tanda baca masih betul.- Penggunaan kosa kata umum.- Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan.- Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai.
BAIK (51 – 65)	(58 – 65)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai.- Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.- Ejaan dan tanda baca masih betul.- Penggunaan kosa kata umum.- Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan.- Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai.

	(51 – 57)	<ul style="list-style-type: none">- Pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.- Wacana masih lengkap.- Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi.- Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
MEMUASKAN (36 – 50)	(43 – 50)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan pelbagai jenis kata terhad.- Ayat kurang gramatis.- Ejaan dan tanda baca masih betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.- Penggunaan kosa kata umum dan terhad.- Laras bahasa kurang sesuai.- Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai.- Pengolahan kurang menarik dan pemerengganan kurang sesuai.- Wacana masih/kurang lengkap.- Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.- Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
KURANG MEMUASKAN (21 – 35)	(28 – 35)	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan kata kurang tepat.- Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.- Idea masih relevan/bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.- Pengolahan tidak menarik.- Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.- Unsur bahasa tidak bervariasi.- Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM (01 – 20)	(11 – 20)	<ul style="list-style-type: none">- Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat tidak gramatis.- Kesalahan ejaan dan tanda baca ketara.- Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.- Pengolahan tidak menarik.- Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.- Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.- Keseluruhan karangan sukar/tidak difahami.

SULIT



**ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA
(MPSM)
CAWANGAN PERLIS**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

1103/2 (PP)

**Bahasa Melayu
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
Ogos**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Cawangan Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

1103/2(PP)

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.
(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan	Markah
-------------	--------

Petikan membincangkan peranan/tugas remaja sebagai pengguna. 2

Isi Tersurat (Tanggungjawab)

- | | |
|--|---|
| 1. Peka akan peranan mereka sebagai pengguna yang bijak. | 2 |
| 2. Melibatkan diri dalam hal-hal kepenggunaan. | 2 |
| 3. Menjadi ahli persatuan pengguna di tempat masing-masing. | 2 |
| 4. Berkongsi pengetahuan sebagai pengguna dengan masyarakat. | 2 |
| 5. Menggunakan perkhidmatan laman sosial ini sebagai wadah komunikasi untuk menubuhkan kelab pengguna. | 2 |
| 6. Mengetahui sebarang produk atau perkhidmatan daripada pelbagai sumber. | 2 |
| 7. Mengambil sedikit masa untuk melihat isu-isu penting tentang kepenggunaan. | 2 |
| 8. Melakukan kajian terhadap isu-isu tertentu. | 2 |
| 9. Mengambil tindakan yang sewajamnya andai mereka menjadi mangsa dalam hal-hal kepenggunaan. | 2 |
| 10. Berfikir dahulu dan mengetahui hak serta tanggungjawab sebagai pengguna. | 2 |

Isi Tersirat (Usaha-usaha)

- | | |
|---|---|
| 1. Ibu bapa memberi maklumat/ilmu tentang kepentingan kepenggunaan. | 2 |
| 2. Sekolah menubuhkan Kelab Pengguna untuk menyebarkan maklumat kepada pelajar. | 2 |
| 3. Kerajaan menyiarkan kempen tentang hak-hak pengguna melalui media massa. | 2 |
| 4. Badan Bukan Kerajaan (NGO) memberi ceramah/bengkel/seminar/kursus kepenggunaan. | 2 |
| 5. Menganjurkan pertandingan pidato/forum/penulisan esei yang berkaitan kepenggunaan. | 2 |

Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak perlulah memupuk kesedaran remaja terhadap hak-hak mereka sebagai pengguna agar melahirkan pengguna yang bijak. 2

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	09 - 10 07 - 09	- Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 08 - 11	06 - 07 04 - 06	- Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	01 - 07	01 - 04	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota :

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah **1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak **1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang 120 perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa Maksimum: 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : 9 markah
Soalan 2 (b) : 9 markah
Soalan 2 (c) : 8 markah
Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks /isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat /isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat /salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan dan ayat tidak gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) Maksud rangkai kata wadah *komunikasi*

- alat/medan/saluran untuk berhubung/berinteraksi/berbincang/bertukar-tukar pendapat

2

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Sebab-sebab

- remaja sendiri kurang ambil peduli tentang hak dan tanggungjawab sebagai pengguna
- faktor usia dan pemikiran remaja itu sendiri yang tidak matang
- jurujual menggunakan permainan psikologi

1

1

1

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Tindakan

- membuat aduan kepada Persatuan Pengguna
- melaporkan perkara tersebut kepada Tribunal Tuntutan Pengguna
- memulangkan barang tersebut kepada peniaga
- menuntut ganti rugi

1

1

1

1

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen

(i) Kesan yang dialami :

- semangat Pak Husain sudah hilang 1
- menjadi takut-takut 1
- selalu meracau dan menyebut apa-apa sahaja yang dilihatnya sebagai tentera Jepun 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Usaha-usaha yang dilakukan :

- memberi elaun bulanan/incentif/ganjaran 1
- memberi anugerah/gelaran 1
- rawatan di hospital secara percuma 1
- kemudahan asas seperti rumah percuma 1
- bantuan pendidikan kepada anak-anak pejuang kemerdekaan 1

[Maksimum : 4 markah]

(iii) Satu nilai dalam petikan

- bertanggungjawab : Pak Husain bertanggungjawab menyelamatkan penduduk kampung dengan mengarahkan mereka segera berpindah $\frac{1}{2} + \frac{1}{2}$
- keberanian : Pak Husain telah menipu tentera Jepun untuk menyelamatkan penduduk kampung $\frac{1}{2} + \frac{1}{2}$
- kasih sayang : Mak Bedah memandikan dan mencuci darah yang terdapat pada badan Pak Husain $\frac{1}{2} + \frac{1}{2}$
- prihatin : Ayahku (penulis) tidak tidur-tidur kerana menjaga Pak Husain $\frac{1}{2} + \frac{1}{2}$

[Maksimum : 1 markah]

Dua nilai dalam keseluruhan cerpen

- cinta akan negara : Pak Husain sanggup menggunakan tongkat kayu untuk menghadiri temasya sambutan Hari Kemerdekaan Negara $\frac{1}{2} + \frac{1}{2}$
- ketabahan : Khalid dan penduduk Kampung Pulau Pak Amat tabah menghadapi saat-saat kesulitan dan keperitan sewaktu zaman perang. $\frac{1}{2} + \frac{1}{2}$
- pengorbanan : Pak Husain sanggup mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan penduduk kampung daripada menjadi mangsa serangan askar Jepun. $\frac{1}{2} + \frac{1}{2}$

[Maksimum : 2 markah]

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Klasik

- (i) Maksud : *bermohon kembali ke bahera*
- meminta diri/kebenaran/keizinan pulang/balik ke kapal
- [Maksimum : 2 markah]
- (ii) Tindakan jurumudi :
- mencabut kerisnya
 - menikam seekor ayam lagi
 - pergi menghadap Tuanku Nakhoda Tua dengan keris berdarah
 - menyatakan/memberitahu bahawa dia menyelamatkan gelung daripada lanun
- [Maksimum : 3 markah]
- (iii) Wajar - Alasannya
- Tuan puteri ialah puterinya/anakanda
 - Tuanku Nakhoda Tua merupakan walinya
 - menunaikan janjinya kepada jurumudi
 - jurumudi orang kepercayaan Tuanku Nakhoda Tua
 - seorang yang berani dan bertanggungjawab
 - pandai mengambil hati Tuanku Nakhoda Tua
- [Maksimum : 3 markah]
- Tidak Wajar – Alasannya
- jurumudi telah menipu/berbohong/tidak jujur
 - Tuanku Nakhoda Tua tiada usul periksa/tidak menyiasat
 - tidak bertanyakan pendapat/mengambil pandangan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa
 - Tuanku Nakhoda Tua tidak berbincang dahulu dengan pembesar negeri
- [Maksimum : 3 markah]

Soalan 2 (d) : Sajak

(i) **Sikap anak muda sekarang :**

- | | |
|--|---|
| - tidak segan silu jika jalan bergandingan | 1 |
| - pergaulan tiada batasan | 1 |
| - pegangan agama yang longgar | 1 |
| - menjadikan budaya kuning sebagai ikutan | 1 |
| - melupakan adat nenek moyang dahulu | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) **Sebab :**

- | | |
|---|---|
| - pengaruh daripada media massa | 1 |
| - pengaruh rakan sebaya | 1 |
| - kurang didikan agama/perhatian/kasih sayang daripada ibu bapa | 1 |
| - pengaruh persekitaran | 1 |

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Persoalan :**

- | | |
|--|-------|
| - Remaja tiada jati diri. Remaja terpengaruh dengan budaya barat. | 1 + 1 |
| - Adat resam yang semakin kurang diamalkan. Remaja kini kurang menitikberatkan adat resam nenek moyang. | 1 + 1 |
| - Kepentingan memelihara peradaban. Remaja harus menjaga warisan budaya bangsa walaupun mengalami pemodenan. | 1 + 1 |
| - Pegangan agama yang longgar. Remaja kini memandang remeh/ringan aspek keagamaan. | 1 + 1 |
| - Budaya kuning menjadi ikutan remaja masa kini. Remaja sekarang lebih mengamalkan cara hidup moden/barat. | 1 + 1 |

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : 6 markah
Soalan 3(b) : 6 markah
Soalan 3(c) : 6 markah
Soalan 3(d) : 6 markah
Soalan 3(e) : 6 markah

Parhatian bagi Soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi ayat berkenaan.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah.
11. Menyatakan makna perkataan dalam ayat, berikan markah penuh 1 markah (jika betul dan tepat).

Soalan: 3(a)

Bil	Perkataan	Makna
i	cari gali	Kegiatan/usaha mencari bahan galian seperti minyak, gas, emas dll dengan menggerudi ke dalam tanah atau dasar laut.(KD:hlm.249)
ii	jati diri	Sifat atau ciri istimewa (dr segi adat, bahasa, budaya, agama dsb) yang menjadi teras dan lambing keperibadian seseorang , sesuatu bangsa dsb, identiti: cth ayat: Pembinaan negara Malaysia lebih berteraskan kekuatan jati diri bangsa dan semangat patriotik yang utuh. KD; hlm.613
iii	ruang legar	Ruang yang agak luas di sebelah dalam pintu utama sesbuah bangunan, biasanya terdapat gtempat bertanya, tempat menerima tetamu, tempat menunggu, lobi,dsb, foyer. KD; hlm.1346
iv	ulasan selari	Huraian yang dibuat ketika sesuatu kejadian (upacara, pertandingan dll) sedang berlangsung. KD;hlm.1762
v	ulang tayang	Tayangan atau pertunjukan (filem di TV dsb) yang diulang.KD;hlm.1760
vi	temu ramah	Tanya jawab antara pemberita dengan tokoh olitik dll (untuk mendapat berita dll) interviu, wawancara. KD hlm.1649

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3(b)

Soalan	Jenis Ayat
(i)	Ayat Penyata
(ii)	Ayat Tanya
(iii)	Ayat Penyata
(iv)	Ayat Seru
(v)	Ayat Perintah
(vi)	Ayat Tanya

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 (c) Kesalahan ejaan dan imbuhan

Kesalahan Ejaan		Kesalahan Imbuhan	
(i) bahru	baharu	mencadangkan	bercadang
(ii) pra kata	prakata	kesampaian	disampaikan
(iii) musoh	musuh	berkelaku	berlaku

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 (d) Kesalahan istilah dan bahasa

Kesalahan Bahasa		Kesalahan Kata/Istilah	
(i)pukul	ke pukul	petang	malam
(ii) yang	bahawa	harap	asa
(iii) kayu-kayu	kayu	berumah	berkhemah

[Maksimum : 6 markah]

Perhatian bagi Soalan 3(e)

1. Beri 2 markah untuk setiap peribahasa yang betul dan tepat.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap jawapan yang mengandungi kesalahan bahasa (ejaan, imbuhan dan lain-lain)

Soalan 3(e) –Peribahasa

- (i) bertali arus
- (ii) kecil tapak tangan, nyiru kami/ditadahkan.
- (iii) orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4 : Novel

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
iii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap/jelas.
iv) Beri 1 markah bagi peristiwa yang kurang lengkap/jelas.
v) Markah isi maksimum 4 markah.
vi) Markah bahasa maksimum ialah 3 markah.
vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 Baik : 3 markah
 Sederhana : 2 markah
 Lemah : 1 markah
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

[Maksimum : 7 markah]

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
iii) Beri satu markah untuk pernyataan perwatakan watak sampingan bagi setiap novel.
iv) Beri dua markah untuk setiap huraian yang lengkap/jelas bagi setiap novel.
v) Markah isi maksimum 6 markah. (Maksimum 3 markah bagi setiap novel)
vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
 Baik : 2 markah
 Lemah : 1 markah
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 4 (a) Dua persoalan dalam novel

Azfa Hanani	Kembara Amira
Menghargai jasa seseorang Azfa Hanani sangat menghargai jasa baik dan pengorbanan mak long dan pak longnya kerana membesarinya dengan penuh tanggungjawab.	Tanggungjawab mempertahankan khazanah alam Tau amat menghargai kawasan hutan yang menjadi tempat tinggal orang-orang asli sejak sekian lama. Dia sanggup menyamar sebagai makhluk berbulu untuk menakut-nakutkan orang-orang yang hendak meneroka kawasan hutan.
Kesusahan hidup/kemiskinan Pak long dan mak long Azfa Hanani berhadapan dengan kehidupan yang susah kerana perlu menjaga anak yang cacat dan anak saudara yang yatim piatu iaitu Azfa Hanani. Mereka tidak mampu menyediakan keperluan pembelajaran untuk Azfa Hanani.	Konflik kekeluargaan Jacinta amat tertekan apabila ibu kandungnya meninggal dunia dan bapanya berkahwin lain. Dia tidak dapat menerima hakikat ini sehingga mengambil keputusan untuk tidak pulang ke Pulau Pinang ketika musim cuti sekolah. Tau juga menghadapi tekanan berpanjangan kerana berpisah dengan isterinya, Ipah dan dengan anaknya, Sabi.
Usaha dan ikhtiar untuk mengatasi masalah Tengku Mazran dan Syafinaz berusaha mengatasi masalah Datin Maziah yang kehilangan Tengku Mumi dengan cara membawa Azfa Hanani ke rumah mereka dengan menyamar sebagai Tengku Murni.	Keyakinan dan keberanian menghadapi cabaran Profesor Zaidah berhadapan pelbagai cabaran sepanjang projek kajian arkeologinya. Dia tetap berani menghadapi dugaan dan yakin kawasan itu penuh dengan tinggalan sejarah.
Berpegang kepada janji Tengku Mazran menunaikan janjinya dengan membiayai kos rawatan Zuraini, anak pak longnya. Datuk Tengku Makmur dan Datin Maziah berpegang pada janji mereka 16 tahun yang lalu untuk menjaga Azfa Hanani dengan penuh kasih sayang sebagai menebus kesalahan mereka. Tengku Muzzafar menunaikan janjinya untuk mengajar Azfa Hanani cara-cara menggunakan komputer.	Kehidupan masyarakat orang asli Ludin, Tau dan Itai ialah masyarakat orang asli suku Orang Asli Senai. Tau digambarkan pengesan yang baik kerana berjaya menemui Jacinta yang hilang ketika mencari Amira yang dihanyutkan oleh sungai yang deras.

Soalan 4 (a) Dua persoalan dalam novel

Azfa Hanani	Kembara Amira
Kasih sayang keluarga Datin Maziah amat menyayangi Tengku Murni apabila Murni meninggal dunia, dia tidak dapat menerima hakikat itu sehingga mengalami tekanan perasaan. Walaupun mempunyai isteri muda, Tengku Makmur tetap menyayangi keluarganya. Azfa Hanani sangat menyayangi pak long dan mak long serta sepupu-sepupunya.	Kasih sayang seorang bapa/ibu terhadap anak Tau sangat merindui anaknya, Sabi yang dilarikan oleh isterinya, Ipah. Tau masih dapat mengenalinya meskipun anak itu sudah besar dan ditukarkan nama kepada Malique. Profesor Zaidah sangat menyayangi Amira dan amat risau akan keselamatan anaknya, semasa Amira membantu mencari Malique.
Berdikari dalam hidup Ekran menjual burger apabila ade kelapangan masa untuk mendapatkan pengalaman di samping menambahkan wang saku.	Sikap mementingkan diri dan keuntungan Tindakan O'hara yang terus berusaha membuktikan kawasan tersebut mempunyai emas akan menyebabkan kawasan itu musnah kesan aktiviti perlombongan emas.
Menghargai persahabatan Nordin sanggup bercuti untuk menjenguk Azfa Hanani di Kampung Merpati yang akan berpindah ke Kuala Lumpur. Walaupun telah berpindah ke Kuala Lumpur, Azfa Hanani tidak lupa menghubungi rakan-rakannya di SMK Sri Dian.	Kepentingan teknologi maklumat Amira membantu ibunya mengemas kini e-mel ibunya itu dengan memasukkan penemuan-penemuan arkeologi yang baharu.
Perubahan cara hidup Azfa Hanani terpaksa menyesuaikan diri dengan cara kehidupan di bandar yang serba moden. Dia juga terpaksa mengubah gaya hidupnya kerana menyamar sebagai Tengku Murni.	Sikap saling membantu Itai, Amira, Jacinta, Roslan dan Pak Lias saling membantu mencari Malique yang hilang setelah dihanyutkan oleh arus lumpur yang deras.

Catatan : Mana-mana jawapan yang difikirkan bersesuaian – diterima.

Soalan 4 (b) Satu perwatakan watak utama dalam dua novel.

Azfa Hanani	Kembara Amira
Azfa Hanani Prihatin terhadap masalah kawan Azfa prihatin terhadap nesib malang yang menimpa Ekran. Gerai burger Ekran telah terbakar. Dia cuba menemui Ekran untuk bertanyakan khabar, tetapi Ekran tidak dapat ditemuinya. Dia berasa amat sedih atas nasib yang menimpa Ekran.	Amira Sahabat yang setia Amira sanggup mengikut Itai mencari sebutir emas untuk dijadikan hadiah buat Jacinta yang berharap mendapat sesuatu apabila mengikut Amira ke Desa Karpus. Dia juga berhasrat untuk menghiburkan Jacinta yang bermasalah dengan bapanya.
Taat perintah agama Selalu mengerjakan solat sewaktu di rumah Datin Maziah. Selepas sembahyang Maghrib pada malam Jumeat, dia akan membaca surah Yasin untuk dihadiahkan kepada ibu bapanya. Dia juga berdoa agar pak long, mak long dan Datin Maziah sekeluarga mendapat rahmat daripada Allah.	Taat kepada perintah agama Segera mengqadakan solat Subuh yang tidak dapat ditunaikan ketika di dalam kereta api.
Penyayang Menyayangi pak long dan mak longnya kerana memelihara dan menjaganya selepas kematian kedua-dua orang tuanya. Dia selalu teringat akan pak long dan mak longnya serta sepupunya ketika berada di rumah Datin Maziah. Menyayangi ayah dan ibunya dengan selalu membaca surah Yasin pada malam Jumaat.	Penyayang Bercakap lemah-lembut dengan ibunya. Amira sangat menyayangi Jacinta, sahabatnya dengan sanggup ke lubuk emas mencari batu emas untuk dihadiahkan kepada Jacinta.
Gigih dalam pelajaran Sanggup berulang-alik ke sekolah dengan bas sejauh 30 kilometer sehari. Gigih mengulang kaji pelajaran dengan membaca buku rujukan.	Suka akan cabaran Amira seronok dapat bersama-sama ibunya ke tapak kajian arkeologi kerana suka akan cabaran.

Soalan 4 (b) Satu perwatakan watak utama dalam dua novel.

Azfa Hanani	Kembara Amira
Tabah dalam menghadapi dugaan hidup Azfa tabah menghadapi dugaan hidup sebagai anak yatim piatu dan hidup dalam kemiskinan. Ibu bapanya meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya. Dia tinggal dengan pak long dan mak longnya yang miskin.	Bertanggungjawab Menjaga Jacinta yang masih belum sedarkan diri selepas tersesat di dalam hutan. Atas rasa tanggungjawab, Amira bersama Pak Lias dan Itai pergi ke Gunung Gua Gajah untuk mencari Malique.
Sanggup berkorban Menerima pelawaan Abang Mazran dan Kak Finaz untuk menyamar sebagai Tengku Mumi untuk membantu pak longnya yang susah. Membantu pak longnya membiayai perubatan Zuraini, sepupunya yang lumpuh. Sanggup berkorban untuk membantu Datin Maziah yang kehilangan anak kesayangannya, Tengku Murni.	Cintai akan alam sekitar Amira menyertai kerja-kerja cari gali kumpulan ibunya, Profesor Zaidah di Hutan Mat Raya kerana hutan itu mempunyai pelbagai khazanah berharga.

Catatan : Mana-mana jawapan yang difikirkan bersesuaian – diterima.

Perwatakan = 1 markah

Huraian = 2 markah

Isi = 3 markah bagi setiap novel

Bahasa = 2 markah

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT